



17 - 23 Nov 2021  
#LaburBersama



[minggusahamdigital.com.my](http://minggusahamdigital.com.my)  
@minggusahamdigital  
Minggu Saham Digital

# TERMA & SYARAT PERADUAN JOM KIRA DUIT

## Penganjur & Tempoh Peraduan

1. Jom Kira Duit ("Peraduan") dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas kecuali kakitangan Permodalan Nasional Berhad ("Penganjur"), dan anak syarikat Penganjur iaitu Amanah Saham Nasional Berhad, Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, Attana Hotels & Resorts Sdn. Bhd., PNB Research Institute Sdn. Berhad, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad, PNB Value Homes Sdn Bhd, PNB Development Sdn Berhad, PNB Commercial Sdn Berhad, PNB (UK) Limited dan Jewel Digital Ventures Sdn. Bhd., agensi pengiklanan/perhubungan awam dan pembekal Penganjur, serta anggota keluarga terdekat masing-masing.
2. Peraduan bermula dari 22 Oktober 2021 sehingga 23 November 2021 ("Tempoh Peraduan"). Penyertaan untuk Peraduan ini akan ditutup pada jam 5.00 petang, 23 November 2021 ("Tarikh Tutup"). Sebarang penyertaan selepas Tarikh Tutup tidak akan dilayan. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
3. Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada peserta untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami mahupun kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.

## Kriteria Kelayakan & Penghantaran Penyertaan

1. Peserta perlu mendaftar di laman web Minggu Saham Digital [www.minggusahamdigital.com.my](http://www.minggusahamdigital.com.my) dengan menyertakan data peribadi seperti nama penuh,



17 - 23 Nov 2021  
#LaburBersama



[minggusahamdigital.com.my](http://minggusahamdigital.com.my)  
@minggusahamdigital  
Minggu Saham Digital

- nombor kad pengenalan peribadi, nombor telefon dan alamat e-mel untuk menyertai Peraduan ini.
2. Peserta perlu mencari sebanyak mungkin #SyilingMSD yang akan dipaparkan melalui medium dan antara tempoh tarikh seperti yang berikut:
    - a. 22 Oktober 2021 hingga 16 November 2021
      - i. Hantaran di laman media sosial Minggu Saham Digital (laman rasmi Facebook dan Instagram).
    - b. 22 Oktober 2021 hingga 23 November 2021
      - i. Halaman Rakan<sup>1</sup> Minggu Saham Digital di laman web Minggu Saham Digital [www.minggusahamdigital.com.my](http://www.minggusahamdigital.com.my); dan
      - ii. Hantaran di laman media sosial Rakan<sup>1</sup> Minggu Saham Digital.
    - c. 17 November 2021 hingga 23 November 2021
      - i. Program-program yang disiarkan semasa siaran langsung di laman Facebook & YouTube Rasmi Minggu Saham Digital.
  3. Setiap #SyilingMSD yang dipaparkan di medium dan masa berbeza mempunyai nilai masing-masing yang berlainan.
  4. Lima (5) daripada keseluruhan #SyilingMSD yang dipaparkan antara 22 Oktober 2021 sehingga 23 November 2021 ini akan turut dikategorikan sebagai "Ringgit Emas". Peserta yang berjaya mencari dan memasukkan nilai #SyilingMSD "Ringgit Emas" terpantas di laman web Minggu Saham Digital [www.minggusahamdigital.com.my](http://www.minggusahamdigital.com.my) akan memenangi Honda Dash 125. Antara #SyilingMSD yang dipaparkan sebelum acara Minggu Saham Digital bermula dari 22 Oktober 2021 sehingga 16 November 2021, dua (2) adalah merupakan "Ringgit Emas", manakala tiga (3) "Ringgit Emas" lagi adalah antara #SyilingMSD yang akan dipaparkan semasa siaran langsung Minggu Saham Digital dari 17 November 2021 sehingga 23 November 2021 .
  5. Peserta perlu mencari semua #SyilingMSD dan kemudian melayari laman web Minggu Saham Digital untuk memasukkan nilai #SyilingMSD di halaman penebusan.
  6. Pemenang "Ringgit Emas" akan diumumkan selepas tiga (3) hari bekerja penyertaan dihantar. Pemenang akan diumumkan di laman Facebook dan Instagram rasmi Minggu Saham Digital.
  7. Pemenang Peraduan akan diumumkan semasa upacara penyampaian hadiah yang akan disiarkan secara langsung pada 23 November 2021 melalui laman Facebook Minggu Saham Digital [www.facebook.com/minggusahamdigital](http://www.facebook.com/minggusahamdigital).

<sup>1</sup> Untuk senarai penuh Rakan yang mengambil bahagian, sila rujuk [www.minggusahamdigital.com.my/sertai-sekarang](http://www.minggusahamdigital.com.my/sertai-sekarang)



17 - 23 Nov 2021  
#LaburBersama



[minggusahamdigital.com.my](http://minggusahamdigital.com.my)  
@minggusahamdigital  
Minggu Saham Digital

8. Bagi hadiah digital, Penganjur akan menghantar maklumat lanjut mengenai hadiah dan proses penebusan kepada pemenang melalui e-mel. Bagi hadiah fizikal, Penganjur akan berhubung dan mengatur urusan yang diperlukan dengan pemenang dan pihak yang berkenaan (jika ada) selepas majlis penyampaian hadiah.
9. Peserta yang telah diisytiharkan muflis di bawah Akta Kebankrapan 1967 tidak layak untuk mengambil bahagian dan memenangi hadiah dari Peraduan ini.
10. Penganjur berhak untuk membatalkan/menamatkan/menarik balik semua hadiah yang diberikan kepada mana-mana individu yang telah diisytiharkan sebagai muflis.

### Hadiah Jom Kira Duit

1. 1x Hyundai Kona 2.0 Standard bernilai RM120,000.
2. 1x Toyota Yaris 1.5G (AT) bernilai RM82,000.
3. 1x Perodua Ativa 1.0 Turbo AV bernilai RM75,000.
4. 1x Honda CB250R bernilai RM22,000.
5. 3x Honda Dash 125 bernilai RM21,000.
6. E-baucar bernilai RM4,500.

### Hadiah Ringgit Emas

1. 5x Honda Dash 125 bernilai RM35,000.

### Liabiliti & Tanggungjawab

1. Semua hadiah mesti dituntut daripada Penganjur dalam masa satu (1) bulan dari tarikh hadiah disediakan untuk kutipan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.
2. Pemenang mesti mematuhi Terma & Syarat Peraduan ini. Penganjur berhak untuk menarik balik hadiah sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan ini.
3. Pengumuman pemenang akan disiarkan di laman sosial Minggu Saham Digital di [www.facebook.com/minggusahamdigital](http://www.facebook.com/minggusahamdigital) dan [instagram.com/minggusahamdigital](http://instagram.com/minggusahamdigital).
4. Visual bagi hadiah yang dipaparkan menerusi bahan promosi Peraduan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik. Nilai hadiah adalah betul pada masa percetakan.
5. Pemenang dan/atau warisnya hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) akibat mengambil



17 - 23 Nov 2021  
#LaburBersama



[minggusahamdigital.com.my](http://minggusahamdigital.com.my)  
@minggusahamdigital  
Minggu Saham Digital

bahagian dalam Peraduan, menuntut dan/atau menggunakan hadiah. Pemenang dan/atau warisnya juga bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur terhadap sebarang liabiliti.

6. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau perbelanjaan yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntut hadiah adalah tanggungjawab peserta sepenuhnya.

## Notis Privasi

1. Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak Minggu Saham Digital ("Minggu Saham Digital" atau "kami"). Dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan penyimpanan dan pemprosesan data peribadi anda oleh Minggu Saham Digital dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami termasuk tetapi tidak tertakluk kepada nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat dan maklumat lain yang kami perlukan daripada anda dalam borang Peraduan ini. Minggu Saham Digital akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada Minggu Saham Digital, untuk tujuan mengendalikan Peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).
2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh dikongsikan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan, dan telahpun dikemas kini.

## Hak Penganjur

1. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menangguh pemberian hadiah, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. Semua hadiah dituntut dalam keadaan "sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit atau barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya.
2. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.





3. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan bahawa peserta memberikan kebenaran yang tidak boleh ditarik balik (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun notis kepada peserta terlebih dahulu.
4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas kutipan hadiah. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, semua peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan hadiah.
5. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat Peraduan ini dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang notis kepada peserta dan peserta adalah tertakluk kepada perubahan tersebut.
6. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila layari [www.facebook.com/minggusahamdigital](https://www.facebook.com/minggusahamdigital) atau [www.minggusahamdigital.com.my](http://www.minggusahamdigital.com.my).